



KERAJAAN NEGERI SARAWAK
PESANAN BARANGAN/PERKHIDMATAN

No. Rujukan:

Lampiran A2
T. 301

TERMA DAN SYARAT

1. Kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pesanan yang dibuat kecuali pesanan itu dibuat melalui surat pesanan ini dan ditandatangani oleh pemegang waran.
2. Sebarang usaha untuk mengubah pesanan ini tidak dibenarkan tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada pemegang waran berkenaan.
3. Apabila barangan atau perkhidmatan yang tersenarai di dalam pesanan ini diserahkan kepada penerima, pembekal hendaklah memastikan bahawa penerima menandatangani akuan terimaan di tempat yang sewajarnya, tertakluk kepada barangan/perkhidmatan dibekal adalah memuaskan dan boleh diterima.
4. Kerajaan berhak untuk menolak atau tidak menerima barangan/perkhidmatan yang dibekalkan menerusi pesanan ini sekiranya barangan/perkhidmatan tersebut tidak memuaskan atau tidak mengikut contoh/spesifikasi yang ditetapkan. Invois hendaklah disertakan dengan surat pesanan ini dan dikemukakan kepada pegawai yang menandatangani surat pesanan ini selepas barangan/perkhidmatan berkenaan telah diakui terima.
5. Nombor Rujukan surat pesanan ini hendaklah dinyatakan di dalam invois.
6. Sebarang bayaran hanya akan dibuat ke atas pesanan ini sekiranya diakui terima oleh penerima.
7. Semua dokumen (jika ada) yang diberi kepada pembekal itu tetap menjadi hakmilik kerajaan.
8. Sebarang pengubahsuaian terhadap terma atau syarat hendaklah bertulis dan ditandatangani oleh pemegang waran berkenaan.
9. Kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan melalui surat pesanan ini kecuali terma dan syarat di atas telah dipatuhi sepenuhnya.